

06 SEP 1998

Labuan-Kumbahan

RAWATAN KUMBAHAN DI LABUAN DITINGKATKAN

Oleh: M.Hamzah Jamaludin

LABUAN, 6 Sept (Bernama) -- Pembangunan rancak dan jumlah penduduk yang semakin bertambah di Wilayah Persekutuan Labuan secara langsung telah menyebabkan jumlah kumbahan dan air sisa yang dibuang meningkat dengan mendadak sejak kebelakangan ini.

Jumlah penduduk di Pusat Bandar Labuan yang dijangka meningkat lebih dua kali ganda dalam tempoh tiga hingga tujuh tahun berbanding hanya 26,000 tahun ini menyebabkan loji rawatan kumbahan yang sedia ada tidak berupaya membersihkan air sisa yang dihasilkan mereka.

Menyedari hakikat itu, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) yang bertanggungjawab mengendalikan sistem pembentungan di negara ini telah mengambil keputusan menaikkan taraf loji utamanya di sini yang dikenali sebagai loji rawatan kumbahan Keling dengan belanja RM6.5 juta.

Ia telah memasang rangkaian paip pembentung utama sepanjang 9km untuk menyambungkan bangunan-bangunan di pusat bandar utama Labuan dengan loji rawatan kumbahan Keling,' kata pengurus besar komunikasi IWK Ishak Nengah di sini hari ini.

Menurutnya, kedua-dua projek itu merupakan komponen utama dalam Skim Pembangunan Pembentungan Labuan yang dimulakan sejak 1995 dengan belanja melebihi RM16 juta.

Kolam-kolam pengoksidaan di Ranca-Ranca itu kini siap dipasang dengan alat pengudaraan mekanikal, saluran masuk baru, stesen-stesen pam serta sistem penapisan yang lebih canggih.

Ishak yang membawa sekumpulan wartawan melawat loji itu berkata kegagalan menaik taraf infrastruktur pembentungan di Labuan mungkin menyebabkan efluen atau air sisa yang dirawat tidak mencapai tahap yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar dan seterusnya mencemari sistem perairan berdekatan.

"Air kumbahan perlu dirawat dengan sempurna bagi memelihara sumber air minuman kita selain dapat membantu mencegah merebaknya penyakit seperti demam kepialu, taun dan hepatitis A," katanya.

Labuan sebagai pelabuhan bebas dan Pusat Kewangan Persisiran Antarabangsa dengan keluasan 89km persegi tidak mampu berhadapan dengan pencemaran sumber airnya yang terhad, tambahan pula bilangan industri yang ditempatkan di pulau utama itu semakin bertambah.

Sebahagian sumber air mentahnya buat masa ini pula diimport dari Sabah.

Ketua jabatan perkhidmatan kejuruteraan IWK Mohamed Haniffa Abdul Hamid berkata selain pusat bandar utama, lapan lagi kawasan di Labuan menghasilkan air sisa dan kumbahan yang meningkat saban tahun.

Kawasan yang dimaksudkan adalah kawasan Sungai Bangat dan kawasan pantai, Ranca-Ranca dan Patau-Patau, Tanjung Aru dan Lajau, Manikar, Layang-layangan, kawasan lapangan terbang, Kiamsam dan kawasan Taman Kewangan Antarabangsa.

Menurutnya, sejumlah 18 loji yang terdapat di Labuan buat masa ini mampu merawat sebahagian besar air sisa dan kumbahan yang dihasilkan penduduk pulau itu tetapi peningkatan kuantiti kumbahan dari pusat bandar menyebabkan loji di Ranca-Ranca ditingkatkan keupayaannya.

Sebelum ini, loji itu hanya mampu merawat air kumbahan yang dihasilkan oleh sejumlah 20,000 penduduk.

Selain loji-loji, IWK juga mengendalikan empat stesen pam, 3,120 tangki septik dan paip pembentungan sepanjang 23 KM di Labuan.

Pelancaran loji rawatan kumbahan di Ranca-Ranca oleh Timbalan Menteri

Perumahan dan Kerajaan Tempatan Peter Chin Fah Kui esok bakal mencatat lembaran baru bagi operasi IWK di Labuan sejak ia mengambil alih perkhidmatan pembentungan daripada Majlis Perbandaran Labuan empat tahun lepas.

Saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Labuan baru-baru ini supaya ia meningkatkan daya tarikannya sebagai destinasi pelancongan juga dijangka meningkatkan bilangan penduduk dan pelancong ke Labuan.

"Sekurang-kurangnya kita telah bersedia menghadapi pembangunan mendadak di Labuan yang dijangka berterusan untuk dekad akan datang," kata Ishak.

-- BERNAMA

HJ WAT